

GARIS PANDUAN
GERAN PENYELIDIKAN DAN PENGKOMERSIALAN
VENDOR BUMIPUTERA (GPPV)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

1. OBJEKTIF

- 1.1 Garis panduan ini disediakan adalah untuk memberikan makluman yang jelas mengenai pelaksanaan dan tatacara pelaksanaan Geran Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor Bumiputera (GPPV). GPPV bertujuan untuk membantu Syarikat Vendor menghasilkan produk dan perkhidmatan baharu yang berinovasi dan fokus terhadap kehendak pasaran. Ia juga membantu Syarikat Vendor mengembangkan pasaran, meningkatkan perolehan serta berkemampuan untuk mengeksport produk/ perkhidmatan ke pasaran serantau dan antarabangsa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 GPPV adalah skim geran yang bertujuan untuk merangsang pertumbuhan dan kejayaan inovasi oleh Syarikat Vendor Bumiputera dengan meningkatkan tahap penyelidikan dan pengkomersialan dengan menggunakan kaedah amalan terbaik dalam operasi pembuatan dan pengurusan perkhidmatan untuk menjadi lebih kompetitif.
- 2.2 Geran ini menyediakan pembiayaan untuk penyelidikan di peringkat pra-pengkomersialan dan pengkomersialan bagi mewujudkan produk perniagaan baharu agar operasi menjadi lebih cekap dan seterusnya mampu menjana kekayaan ekonomi negara.
- 2.3 Penyelidikan dan pengkomersialan ditakrifkan sebagai aktiviti penyelidikan yang merangkumi kerja-kerja mencari ilmu yang baharu mengenai produk, proses atau perkhidmatan dan seterusnya mengaplikasikan ilmu pengetahuan tersebut. Aktiviti ini merangkumi penciptaan produk, proses atau perkhidmatan baharu yang lebih baik dan berinovasi di mana hasilnya akan dapat dikomersialkan bagi memenuhi keperluan pasaran dan seterusnya membantu memajukan perniagaan.

3. PEMOHON YANG LAYAK

- 3.1 Geran ini terbuka kepada semua Syarikat Vendor Bumiputera yang berdaftar dengan Syarikat *Anchor* di bawah Program Pembangunan Vendor (PPV), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

4. KRITERIA KELAYAKAN SYARIKAT VENDOR

- 4.1 Berdaftar dengan Syarikat *Anchor* di bawah PPV, MEDAC.
- 4.2 Mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan di bawah Garis Panduan PPV Nasional.
- 4.3 Mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk melaksanakan projek GPPV sehingga selesai.
- 4.4 Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan Syarikat Vendor dan Ketua Pasukan Projek yang dilantik oleh Syarikat Vendor mestilah **tidak pernah disabitkan** atas apa-apa aktiviti penipuan atau syarikat yang telah diisyiharkan bankrap, diletakkan di bawah penerimaan atau pembubaran.
- 4.5 Syarikat Vendor yang sedang melaksanakan projek atau yang telah selesai melaksanakan projek GPPV tetapi masih belum mendapat Surat Penyempurnaan Projek tidak layak untuk memohon GPPV.

5. LATAR BELAKANG PROJEK

- 5.1 Cadangan projek mesti mengandungi elemen inovasi yang menjurus kepada pengkomersialan produk, proses dan perkhidmatan yang inovatif.
- 5.2 Projek ini mestilah bertujuan untuk pembangunan inovasi/ penambahbaikan terhadap produk/ proses/ perkhidmatan sedia ada yang berpotensi untuk dikomersialkan. Projek atau produk yang dalam peringkat kajian adalah tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan MEDAC.
- 5.3 Pasukan projek perlu membuktikan kecekapan teknikal untuk melaksanakan projek yang telah dicadangkan. Resume Ketua Pasukan Projek dan setiap ahli pasukan projek hendaklah dikemukakan.
- 5.4 Syarikat *Anchor* perlu mengemukakan surat sokongan dan mengesahkan bahawa projek GPPV yang dilaksanakan oleh Syarikat Vendor tersebut berupaya untuk dipasarkan (*marketability*).
- 5.5 Menyediakan Kertas Cadangan berdasarkan format serta Carta Perbatuan (*Milestone*) projek GPPV.
- 5.6 Cadangan projek GPPV haruslah terdiri daripada projek yang baharu atau sedang dilaksanakan sahaja.

6. KAE DAH PENAWARAN

- 6.1 Kaedah penawaran geran ini adalah menggunakan konsep Geran Sepadan (*Matching Grant*) di antara pihak Kerajaan dengan Syarikat Vendor (90:10). Pembiayaan oleh Kerajaan adalah sehingga 90% daripada kos keseluruhan projek dan tertakluk kepada had maksimum sehingga RM1 juta bagi setiap permohonan.

7. TEMPOH MASA GERAN

- 7.1 Tempoh minimum menyiapkan projek adalah selama 6 bulan dan tempoh maksimum adalah selama 12 bulan dan disusuli dengan tempoh penilaian *outcome* dalam tempoh 6 bulan selepas tamat projek GPPV.

8. SKOP GERAN

- 8.1 Geran ini memfokuskan kepada produk dan perkhidmatan yang dipacu oleh kehendak pasaran (*market driven*) dan disokong oleh Syarikat *Anchor* menerusi mana-mana dua (2) fasa berikut:
- (i) Pra-Pengkomersialan; dan
 - (ii) Pengkomersialan.

9. BIDANG/ KOMPONEN PENYELIDIKAN

- 9.1 Geran ini boleh digunakan untuk tujuan berikut:
- (i) Loji perintis/ prototaip – perolehan peralatan dan infrastruktur sokongan yang berkaitan secara langsung dengan loji perintis;
 - (ii) Penyediaan dan pendaftaran Harta Intelek/ *Intellectual Properties* (IP) (IP baru dan yang sedia ada);
 - (iii) Pengujian pasaran atau penilaian;
 - (iv) Pematuhan kepada peraturan dan standard;
 - (v) Perbelanjaan untuk perkhidmatan (perundingan/ pengujian);
 - (vi) Perbelanjaan yang dikenakan kepada tenaga kerja/ *personnel* contoh pembantu penyelidik;
 - (vii) Perolehan bahan mentah;
 - (viii) Perolehan Teknologi dan Harta Intelek (IP); dan

- (ix) Lain-lain aktiviti dalam fasa (i) dan (ii) seperti di para 8, tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Strategik.

10. KRITERIA KELULUSAN

10.1 PENILAIAN PERMOHONAN GPPV

10.1.1 Proses Penilaian Projek

- (a) Penilaian Dalaman oleh Syarikat *Anchor*;
- (b) Jawatankuasa Strategik;
 - i. Penilaian Teknikal dan Kos oleh Agensi Teknikal;
 - ii. Sesi *Pitching* oleh Syarikat Vendor dan *Anchor*;
- (c) Jawatankuasa Kelulusan Dana; dan
- (d) Jawatankuasa Pemantauan.

10.1.2 Penilaian Dalaman oleh Syarikat *Anchor*

- (a) Syarikat *Anchor* akan membuat penilaian dan tapisan awal bagi Syarikat-Syarikat Vendor di bawahnya yang memohon pembiayaan GPPV bagi memastikan setiap permohonan mematuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan di bawah Garis Panduan ini dan kajian yang dijalankan adalah relevan.
- (b) Syarikat *Anchor* juga perlu memastikan pematuhan syarat-syarat berkaitan kelayakan Ketua Pasukan Projek, kos projek dan cadangan penggunaan peralatan dan kemudahan penyelidikan.
- (c) Syarikat *Anchor* bolehlah mengeluarkan surat sokongan kepada Syarikat Vendor yang mengandungi perkara berikut untuk dikemukakan bersama-sama dokumen lengkap permohonan:
 - i) Justifikasi sokongan kepada projek;
 - ii) Pengesahan projek adalah selaras dengan *Industry Outlook*; dan
 - iii) Jangkaan perolehan terhadap hasil projek.

10.1.3 Jawatankuasa Strategik

- (a) Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Strategik dilantik oleh Ketua Setiausaha MEDAC. Ahli jemputan dari kalangan pakar dalam bidang-bidang tertentu boleh dijemput untuk membantu proses penilaian.
- (b) Semua permohonan yang dipanjangkan oleh pihak Syarikat Anchor akan dinilai oleh Jawatankuasa Strategik. Jawatankuasa ini akan membuat penilaian terhadap cadangan-cadangan berdasarkan merit objektif penyelidikan, kesesuaian metodologi, keupayaan Syarikat Vendor, kecekapan terhadap kos bagi cadangan yang dikemukakan dan kedudukan kewangan Syarikat Vendor.
- (c) Jawatankuasa ini akan menilai laporan oleh Jawatankuasa Pemantauan yang diurussetiakan oleh MIDF pada setiap bulan.

10.1.4 Jawatankuasa Kelulusan Dana

- (a) Projek yang dinilai dan diperaku oleh Jawatankuasa Strategik akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kelulusan Dana yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MEDAC selaku Pegawai Pengawal dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kelulusan Dana adalah muktamad.

11. PERJANJIAN GERAN

- 11.1 MIDF, agensi yang dilantik sebagai pengurus dana akan mengeluarkan Surat Tawaran kepada Syarikat Vendor yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kelulusan Dana di bawah GPPV. Tawaran tersebut perlu diterima oleh Syarikat Vendor dalam **tempoh 14 hari bekerja atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Strategik**. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan tawaran tersebut terbatal atau ditarik semula.
- 11.2 Perjanjian ini hendaklah meliputi apa jua perkara-perkara berkaitan GPPV yang dinyatakan. Sebarang perubahan semasa pelaksanaan projek ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Strategik/ Jawatankuasa Pemantauan, mana yang berkenaan.

- 11.3 Semua yuran guaman, duti setem profesional dan perbelanjaan yang berkaitan dengan dokumentasi undang-undang hendaklah ditanggung oleh Syarikat Vendor.

12. PEMANTAUAN PROJEK

- 12.1 Jawatankuasa Pemantauan yang dilantik oleh MEDAC akan menjalankan kerja-kerja pemantauan projek yang telah diluluskan di bawah GPPV bagi memastikan pematuhan terhadap terma-terma di dalam Perjanjian termasuk terma pematuhan pada tempoh pelaksanaan projek.
- 12.2 Jawatankuasa Pemantauan berhak untuk mengusulkan kepada Jawatankuasa Strategik berkenaan cadangan untuk menggantung atau menarik balik kemudahan berkaitan geran tersebut sekiranya Syarikat Vendor selaku Penerima Geran gagal mematuhi terma-terma yang ditetapkan di dalam Perjanjian.
- 12.3 Syarikat Vendor selaku Penerima Geran juga dikehendaki untuk menyerahkan Laporan Kemajuan Projek secara berkala termasuk *Milestone* dan Laporan Kemajuan Kewangan serta dokumen-dokumen lain yang telah dinyatakan di dalam Perjanjian kepada Jawatankuasa Pemantauan.

13. PEMBAYARAN GERAN

- 13.1 Jumlah pembiayaan geran oleh Kerajaan bagi setiap permohonan adalah sehingga 90% daripada kos keseluruhan projek dan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM1 juta.
- 13.2 Syarikat Vendor juga adalah tertakluk kepada caj pentadbiran pembiayaan geran sehingga 3.5% oleh pihak MIDF yang dikenakan ke atas jumlah pembiayaan yang diluluskan Kerajaan.
- 13.3 "*Retention sum*" pada kadar 10% dari jumlah Dana yang disalurkan kepada MIDF dari semasa ke semasa akan dipegang oleh MIDF sebagai "*trustee*" sepanjang tempoh perlaksanaan projek dan akan hanya disalurkan kepada Syarikat Vendor setelah memperolehi Surat Penyempurnaan Projek daripada Jawatankuasa Strategik.
- 13.4 Pengeluaran wang pembiayaan geran akan dilakukan setelah syarat-syarat dan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran GPPV telah lengkap dan disahkan betul oleh MIDF.

- 13.5 Pembayaran akan dilakukan berdasarkan peratusan kerja disempurnakan di tapak projek selari dengan kemajuan *Milestone* dan dibuat secara bayaran balik (*reimbursement basis*) seperti yang telah dipersetujui di dalam Surat Tawaran.
- 13.6 Sebelum setiap pembayaran dibuat, Syarikat Vendor perlu mengemukakan Surat Akuan daripada Juru Audit Syarikat Vendor untuk mengesahkan permohonan pembayaran. MIDF dan/ atau MEDAC akan mengadakan tinjauan ke tapak projek (*site visit*) bagi mengesahkan permohonan pembayaran (jika perlu).
- 13.7 Pihak Kerajaan berhak untuk menilai semula kelulusan geran dan jumlah bayaran agregat kepada Syarikat Vendor selaku Penerima Geran bagi projek berkaitan.
- 13.8 Pihak Kerajaan berhak untuk menilai peruntukan Dana berbaki dan menambah/ mengurangkan peruntukan Dana dari semasa ke semasa.
- 13.9 Sebarang proses melibatkan kewangan di dalam program GPPV hendaklah mengikut peraturan perbankan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

14. PENYEMPURNAAN PROJEK

- 14.1 Syarikat Vendor selaku Penerima Geran hendaklah menyerahkan Laporan Penyempurnaan Projek kepada Jawatankuasa Pemantauan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh projek siap.
- 14.2 Surat Penyempurnaan Projek akan dikeluarkan kepada Syarikat Vendor selaku Penerima Geran setelah mendapat pengesahan Jawatankuasa Strategik.
- 14.3 Syarikat Vendor selaku Penerima Geran hendaklah menyertakan sebarang maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh Jawatankuasa Strategik selepas tarikh siap projek.

15. PENAMATAN

- 15.1 Kerajaan berhak untuk menarik balik geran sekiranya:
 - (i) Sebarang maklumat palsu dikemukakan oleh Syarikat Vendor selaku Penerima Geran;

- (ii) Terdapat perubahan bagi pihak yang menerima faedah geran tanpa kelulusan dari Jawatankuasa Strategik;
- (iii) Terdapat perubahan Ketua Pasukan Projek tanpa kelulusan Jawatankuasa Strategik;
- (iv) Sebarang salah guna terhadap geran yang diberi;
- (v) Kegagalan untuk mematuhi aras pencapaian yang ditetapkan serta tahap kemajuan aktiviti berdasarkan *Milestone* yang dipersetujui bersama; atau
- (vi) Sebarang pelanggaran terhadap terma-terma dalam Perjanjian.

16. PROSES PERMOHONAN

- 16.1 Pembukaan penawaran GPPV akan dibuat oleh Urusetia di MEDAC melalui notifikasi emel kepada semua syarikat Anchor di bawah PPV dan laman sesawang MEDAC.
- 16.2 Permohonan GPPV oleh Syarikat Vendor hendaklah disertakan dengan surat sokongan Syarikat Anchor.
- 16.3 Setiap permohonan hendaklah mengemukakan salinan pembentangan projek yang mengandungi maklumat-maklumat yang diperlukan mengikut format yang telah ditetapkan.
- 16.4 Borang Permohonan GPPV yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti permohonan GPPV sebelum jam 12 tengah hari pada tarikh tutup yang ditetapkan di:

**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Bahagian Pembangunan Industri Halal dan Vendor
Aras 2, Blok E4/5
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya**